



22 Jun 2026
22 June 2026
P.U. (A) 227

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KEBERSIHAN MAKANAN
(PINDAAN) 2026

FOOD HYGIENE (AMENDMENT) REGULATIONS 2026

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY/
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KEBERSIHAN MAKANAN (PINDAAN) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [Akta 281], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan (Pindaan) 2026**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2026.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 [P.U. (A) 95/2009], yang disebut sebagai “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2 dengan memasukkan selepas takrif “makanan cepat rosak” takrif yang berikut:

‘ “makanan dalam tin berasid rendah” ertinya apa-apa makanan dengan nilai pH lebih daripada 4.6 dan nilai aktiviti air (a_w) lebih daripada 0.85—

(a) yang bukan minuman beralkohol;

(b) yang disteril secara komersial; dan

(c) yang dibungkus di dalam bekas kedap udara;’.

Pindaan peraturan 11

3. Subperaturan 11(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “dan telah diperiksa dari segi perubahan”; dan

(b) dalam perenggan (c), dengan memotong perkataan “, pemeriksaan kesihatan”.

Pindaan peraturan 23

4. Peraturan 23 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) mempunyai permukaan yang rata dan bukan penyerap.”.

Pindaan peraturan 29

5. Subperaturan 29(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “saluran keluar utama” dengan perkataan “sistem pembedungan”.

Pindaan tajuk Bab 1 Bahagian IV

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam tajuk Bab 1 Bahagian IV dengan memotong perkataan “pemeriksaan perubatan dan”.

Pindaan peraturan 30

7. Peraturan 30 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(2A) Jika makanan berkaling berasid rendah dikilangkan di premis makanan, sekurang-kurangnya satu orang pengendali makanan di premis makanan itu hendaklah, sebagai tambahan bagi mematuhi kehendak-kehendak di bawah subperaturan (1), menjalani latihan pengendalian makanan berkaling berasid rendah dan mendapat Sijil Latihan dalam Pengendalian Makanan Berkaling Berasid Rendah daripada institusi yang diluluskan oleh Pengarah.”.

Peraturan baharu 30A

8. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas Peraturan 30 peraturan berikut:

“Latihan penyeliaan perkhidmatan makanan

30A. (1) Mana-mana orang yang terlibat dalam atau menyelia katering makanan besar-besaran hendaklah menjalani latihan penyeliaan perkhidmatan makanan dan mendapat Sijil Latihan Penyeliaan Perkhidmatan Makanan daripada institusi yang ditubuhkan atau diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.”.

Pindaan peraturan 31

9. Peraturan 31 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu berikut:

“Keadaan kesihatan pengendali makanan”; dan

(b) dalam subperaturan (1) dengan memotong perkataan “diperiksa dari segi kesihatan dan”.

Pindaan Jadual Pertama

10. Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda, dalam teks bahasa kebangsaan, dalam butiran 3, dengan menggantikan perkataan “dan” dengan perkataan “atau”.

Pindaan Jadual Keempat

11. Jadual Keempat kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam butiran 7 dengan memotong perkataan “pemeriksaan perubahan dan”.

Dibuat 3 Jun 2026
[KKM.600-1/1/35; PN(PU2)418/JLD.27]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
Menteri Kesihatan

FOOD ACT 1983

FOOD HYGIENE (AMENDMENT) REGULATIONS 2026

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Food Act 1983 [*Act 281*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Food Hygiene (Amendment) Regulations 2026**.

(2) These Regulations come into operation on 1 December 2026.

Amendment of regulation 2

2. The Food Hygiene Regulations 2009 [*P.U. (A) 95/2009*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2 by inserting after the definition of “perishable food” the following definition:

‘ “low acid canned food” means any food with a pH value greater than 4.6 and a water activity (a_w) value greater than 0.85—

(a) which is not an alcoholic beverage;

(b) which is commercially sterile; and

(c) which is packaged in a hermetically sealed container;’

Amendment of regulation 11

3. Subregulation 11(1) of the principal Regulations is amended—

(a) in paragraph (b), by deleting the words “and has been medically examine”; and

(b) in paragraph (c), by deleting the words “, medical examination”.

Amendment of regulation 23

4. Regulation 23 of the principal Regulations is amended by substituting for paragraph (b) the following paragraph:

“(b) of smooth and non-absorbent surface.”.

Amendment of regulation 29

5. Subregulation 29(2) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “the main outlet drain” the words “the sewerage system”.

Amendment of heading of Chapter 1 of Part IV

6. The principal Regulations are amended in the heading of Chapter 1 of Part IV by deleting the words “medical examination and”.

Amendment of regulation 30

7. Regulation 30 of the principal Regulations is amended by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(2A) Where a low-acid canned food is manufactured in food premises, at least one food handler in the food premises shall, in addition to complying with the requirements under subsection (1), have undergone a training on handling low-acid canned food and obtain a Certificate of Training in Handling Low Acid Canned Food from an institution approved by the Director.”.

New regulation 30A

8. The principal Regulations are amended by inserting after Regulation 30 the following regulation:

“Food service supervision training

30A. (1) Any person who engages in or supervises mass catering of food shall undergo food service supervision training and obtain a Certificate of

Food Services Supervision Training from an institution established or recognised by the Ministry of Health.

(2) Any person who fails to comply with subsection (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years.”.

Amendment of regulation 31

9. Regulation 31 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for the shoulder note the following shoulder note:

“Health condition of food handler”; and

(b) in subregulation (1) by deleting the words “medically examined and”.

Amendment of First Schedule

10. The First Schedule to the principal Regulations is amended, in the national language text, in item 3, by substituting for the word “dan” the word “atau”.

Amendment of Forth Schedule

11. The Forth Schedule to the principal Regulations is amended in item 7 by deleting the words “medical examination and”.

Made 3 June 2026
[KKM.600-1/1/35; PN(PU2)418/JLD.27]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
Minister of Health